

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 3 JULAI 2019
DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (TAMBUN)

SOALAN NO: 175

Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Azumu [Tambun] minta **Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri** menyatakan kesan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China setakat ini kerana ekonomi Malaysia dan langkah-langkah yang sedang dirancang dalam menangani cabaran mahupun potensi yang bakal diraih daripada isu global ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Rundingan 90 hari bagi menyelesaikan perang perdagangan antara Amerika Syarikat (AS) dan Republik Rakyat China (RRC) telah mencapai kegagalan berikutan AS mengumumkan pengenaan tarif tambahan sehingga 25% ke atas produk-produk yang diimport dari RRC mulai Mei 2019 dan begitu juga tindakbalas RRC ke atas produk-produk AS. Oleh itu, adalah sukar untuk membuat sebarang jangkaan sekiranya perang perdagangan antara AS dan RRC dapat diselesaikan dengan cara terbaik atau sebaliknya. Tidak dinafikan bahawa perang perdagangan ini telah mengundang kerisauan industri-industri serta para pelabur asing dan tempatan yang menjalankan aktiviti mereka di Malaysia.
2. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka, adalah dijangkakan bahawa Malaysia berpotensi mengalami impak tidak langsung berikutan kedudukan Malaysia dalam rantaian nilai global (*global value chain*). Ini termasuk, peningkatan kos serta gangguan dalam rantaian bekalan untuk produk perantaraan (*intermediate goods*) yang dieksport secara langsung ke AS atau produk yang dieksport ke AS melalui RRC.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Secara amnya, impak ketegangan perang perdagangan antara AS dan RRC kepada perdagangan dan pelaburan Malaysia boleh dilihat dari aspek positif dan negatif, iaitu:

- i) eksport langsung produk Malaysia ke AS yang disebabkan oleh pelaksanaan tarif pelindungan (*safeguard duties*) terhadap barang terpilih, termasuk eksport produk-produk utama Malaysia ke AS;
- ii) eksport Malaysia ke RRC bagi produk perantaraan (*intermediate goods*) memandangkan produk tersebut menyumbang kepada eksport produk siap ke AS, atau lain-lain pasaran eksport di negara ketiga;
- iii) sebarang pertumbuhan ekonomi RRC yang perlahan berikutnya perang perdagangan juga boleh menjadikan eksport produk Malaysia ke RRC;
- iv) kemungkinan bahawa AS akan menggantikan import produk-produk RRC (*Chinese substitutes*), dengan produk-produk dari negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia. Berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh AS mengenai produk-produk import dari RRC yang dikenakan tarif tambahan, dianggarkan lebih dari 90% merangkumi produk-produk Malaysia yang dieksport ke AS; dan
- v) kemungkinan berlakunya lencongan pelaburan (*investment diversion*) ke rantau ASEAN bagi mengelak kesan langsung pengenaan tarif tambahan oleh AS ke atas import produk-produk RRC.

4. Walau bagaimanapun, bagi jangka pendek industri-industri tempatan perlu melihat impak perang perdagangan antara AS dan RRC secara positif serta wajar merebut peluang-peluang eksport masing-masing ke AS bagi memenuhi permintaan komuniti perniagaan di sana yang semakin meningkat dari negara-negara selain dari RRC dan begitu juga sebaliknya. Pengeksport Malaysia perlu mengambil langkah-langkah lebih proaktif melalui aktiviti promosi yang lebih agresif bagi memposisi negara sebagai

pembekal alternatif terutama bagi produk-produk elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan, optik dan saintifik, petroleum, kimia dan peralatan perubatan ke pasaran AS. Manakala eksport ke pasaran RRC pula, produk-produk Malaysia yang berpotensi menggantikan import AS termasuk produk-produk minyak sawit, gas asli, kimia dan E&E.

5. Bagi impak jangka panjang, perniagaan di rantau Asia akan turut terkesan di mana syarikat-syarikat RRC dan syarikat-syarikat multinational (MNCs) berkemungkinan akan mengubah strategi perniagaan masing-masing dan menukar lokasi pelaburan ke negara-negara ASEAN termasuk Malaysia bagi mengelak impak langsung berikutan pengenaan tarif yang tinggi ke atas eksport produk-produknya. Oleh itu, lencongan pelaburan (*investment diversion*) atau penempatan semula pelaburan (*investment relocation*) berpotensi memberi impak dan menjana peningkatan perdagangan dan pelaburan Malaysia dengan AS dan RRC. Pelabur-pelabur RRC dan syarikat-syarikat multinasional juga berkemungkinan menubuhkan ibu pejabat serantau (*regional headquarter*) di Malaysia dan mengimport bahan mentah atau input dari rantau ASEAN dan sebaliknya. Beberapa syarikat di RRC dalam sektor E&E, semikonduktor dan penyimpanan data yang sedang meneroka peluang-peluang pelaburan di Malaysia juga telah dikenalpasti oleh MITI dan MIDA.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Memandangkan perang perdagangan antara AS dan RRC masih berterusan, MITI dan agensi promosi perdagangan dan pelaburan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi mengurangkan kesan risiko konflik perdagangan antara AS dan RRC ke atas perdagangan dan pelaburan Malaysia, antaranya termasuk:

- i) mensasarkan lebih banyak pelaburan yang berkualiti di Malaysia, antaranya termasuk pelaburan yang mempunyai nilai tambah tinggi, berorientasikan eksport, pemimpin pasaran (*market leader*), berteknologi seni, teknologi hijau, teknologi proses atau R&D terkini, kedudukan kewangan yang kukuh serta berjenama global yang berupaya memberi pulangan maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara serta peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat. Antara sumber baru bagi peluang-peluang pelaburan di Malaysia termasuk *Megatrends*, Industri 4.0, Ekonomi Digital dan e-Perdagangan (e-

Commerce);

- ii) program-program promosi perdagangan dan pelaburan akan terus diadakan di bandar-bandar peringkat pertama (*1st tier*), peringkat kedua (*2nd tier*) dan peringkat ketiga (*3rd tier*) di negara rakan dagang utama. Lain-lain program promosi perdagangan akan diteruskan bagi sektor-sektor terpilih termasuk penyertaan dalam pameran antarabangsa, Misi Akselerasi Eksport (*Export Acceleration Mission*), program *In-Store Promotion* dan Misi Perdagangan dan Pelaburan;
- iii) beberapa inisiatif sedang diusahakan bagi membantu syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur asing mencari pengilang kontrak yang bersesuaian di Malaysia bagi tujuan pengeluaran produk-produk mereka di Malaysia. Selain daripada itu, syarikat-syarikat multinasional yang berpangkalan di Malaysia juga akan dibantu untuk menggantikan import (*import substitution*) melalui *Global Sourcing and Partner Development Programme*; dan
- iv) Lain-lain strategi termasuk menggalakkan lagi penggantian import (*import substitution*) AS dengan produk-produk Malaysia, mempromosi penempatan semula pelaburan (*investment relocation*) syarikat-syarikat terpilih yang terkesan berikutan konflik perdagangan ini ke Malaysia, memudahkan penempatan semula pelaburan dan pengeluaran syarikat-syarikat besar yang mempunyai operasi sedia ada di kedua-dua negara RRC dan Malaysia serta memudahkan pengembangan atau pelaburan semula oleh syarikat-syarikat sedia ada yang beroperasi di Malaysia untuk menampung peningkatan import oleh AS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIEN WONG SHIR YEE

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11752

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah – langkah aktif yang akan diambil untuk menurunkan ‘kadar advisory’ yang kini dikenakan di pantai timur Sabah oleh negara asing.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian melalui ESSCOM telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan Kawasan ESSZone sentiasa selamat dan terkawal.

Bagi menurunkan ‘kadar advisory’ yang dikenakan di pantai timur Sabah oleh negara asing, pelbagai langkah telah diambil oleh ESSCOM termasuklah mengadakan taklimat, sesi dialog dan forum kepada pihak berkepentingan dari semasa ke semasa untuk memberikan penjelasan, pencerahan dan juga pendedahan mengenai situasi sebenar yang berlaku di pantai timur Sabah. Sesi libat urus dan taklimat ini turut melibatkan langkah-langkah seperti berikut:

- i. Taklimat kepada pegawai-pegawai kedutaan dari luar negara yang datang ke Sabah melalui sesi courtesy call ke ESSCOM seperti British High Commission Malaysia, Delegasi New Zealand, Australia, United Kingdom dan negara-negara sahabat;
- ii. Taklimat kepada pegawai-pegawai badan-badan keselamatan dari luar negara seperti Defence Attache Office Amerika, Penasihat Pertahanan negara-negara sahabat (Indonesia, Filipina dan lain-lain);
- iii. Program engangement bersama the US Defence Attache Officer di Pulau Tambisan bersama murid sekolah melalui pemberian buku ucapan dan pembinaan fasiliti awam; dan
- iv. Kerjasama berterusan dengan media untuk liputan semua aktiviti ESSCOM bersama masyarakat di kawasan ESSZone. Hebahan program mencerminkan ESSZone adalah selamat dan masyarakat terpelihara termasuklah pelancong dari luar negara. Liputan media yang positif berupaya memberi impak positif juga kepada “travel advisory” yang dikeluarkan untuk menarik lebih ramai pelancong dan pelabur ke Sabah amnya, dan mengekalkan imej positif Sabah secara khususnya.

SOALAN: 176

Pihak keselamatan ESSCOM akan sentiasa meneruskan atur gerak aset-aset bagi mengekang kemasukan elemen-elemen berkepentingan serta ‘lawless’ ini daripada masuk melakukan jenayah dalam perairan negara.

Pada masa yang sama, Kementerian juga berpandangan bahawa keputusan travel advisory perlu disemak semula dengan memberi pertimbangan lain seperti kekuatan ketenteraan negara, tahap kesiagaan pasukan keselamatan dan juga ‘public awareness’.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH

TARIKH : 3 JULAI 2019

RUJUKAN : 11743

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dasar atau pendirian Kerajaan terhadap rakyat Malaysia yang berkunjung ke negara Israel.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri berpegang kepada dasar luar negara yang tidak mengiktiraf Israel sebagai sebuah negara dan tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan negara tersebut. Berdasarkan dasar tersebut, Israel dikategorikan sebagai negara terlarang untuk dikunjungi dan pasport yang dikeluarkan oleh Israel tidak diiktiraf di Malaysia.

Kerajaan juga melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Januari 2019 memutuskan bahawa visa tidak lagi dikeluarkan untuk peserta atau perwakilan Israel dalam persidangan anjuran badan-badan antarabangsa. Selaras dengan itu, rakyat Malaysia juga tidak dibenarkan untuk menyertai sebarang persidangan badan-badan antarabangsa / program / persidangan / mesyuarat pertubuhan antarabangsa yang dianjurkan oleh Israel.

Pada masa ini, hanya terdapat dua pengecualian sahaja yang diberikan oleh Kerajaan bagi lawatan ke Israel iaitu penganut agama Islam dan Kristian yang ingin melawat Baitulmaqdis bagi tujuan keagamaan dan lawatan perhubungan perdagangan sedia ada oleh syarikat multinasional bagi urusan latihan yang melibatkan pemindahan teknologi kejuruteraan mikrochip kepada rakyat Malaysia.